

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	3 OCTOBER 2016

Najib saksikan Grand Prix F1 Malaysia

Um - 3/10/2016

SEPANG 2 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak hadir menyaksikan perlumbaan Grand Prix Formula 1 (F1) Malaysia di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) di sini hari ini.

Perdana Menteri turut menyampaikan hadiah kepada pemandu Red Bull, Daniel Ricciardo yang menjuarai perlumbaan itu.


Wira-wira negara yang meraih pingat dalam Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik 2016 di Rio Janeiro, Brazil diberi penghormatan mengiringi Najib di

garisan permulaan sebelum perlumbaan bermula.

Terdahulu, Perdana Menteri melalui laman Facebook beliau menyuarakan keteruajaannya untuk menyaksikan Grand Prix F1 Malaysia.

Najib turut memaparkan gambar 'selfie' beliau bersama penyanyi antarabangsa, Usher yang membuat persembahan selepas perlumbaan berakhir.

"Beliau (Usher) merupakan seorang lelaki yang peramah," kata Perdana Menteri.



GAMBAR Facebook Najib Tun Razak bersama Usher di Sepang, semalam.